



# Betik Ubat Denggi

**B**etik atau *Carica papaya* atau Melon Zapote ialah sejenis tumbuhan semula jadi tropika Amerika. Buah ini merupakan tanaman jangka pendek dan sesuai ditanam di kawasan tropika, seperti Malaysia. Di Malaysia, betik banyak ditanam di pantai barat Semenanjung Malaysia, seperti Selangor, Perak dan Johor. Di sesetengah tempat, betik muda sering dijadikan satu daripada menu dalam rojak buah atau rojak betik. Betik terbukti mempunyai pelbagai khasiat dan mengandungi hampir semua zat makanan yang diperlukan bagi kesihatan tubuh manusia.

Betik mengandungi vitamin yang amat diperlukan bagi fungsi asas tubuh pada setiap hari. Antara vitamin yang ada dalam betik termasuklah vitamin A, B dan C. Vitamin C di dalam buah betik adalah lebih banyak daripada buah limau. Separuh daripada buah betik yang bersaiz sederhana besar mampu memberikan 100 peratus keperluan vitamin C harian. Selain mempunyai kalori yang sangat rendah, buah betik juga mengandungi kalium, serat, zat besi, tiamina dan beberapa enzim,

seperti papain. Papain memberikan sumbangan khusus dalam membantu proses penghadaman.

Selain itu, betik dikatakan dapat merawat denggi. Penyakit denggi merupakan penyakit yang berjangkit melalui gigitan nyamuk yang berbahaya dan dapat menyebabkan kematian. Hingga bulan Julai 2014 sahaja, 457 jumlah kes demam denggi direkodkan di seluruh negara. Selangor mencatatkan 203 kes, diikuti kelantan dengan 137 kes.



Betik mengandungi vitamin A, B dan C.





## Pada tahun 2011, Nisar Ahmad dari Universiti Quaid-i-Azam, Pakistan menerbitkan kajiannya yang bertajuk Rawatan Denggi Menggunakan Daun Betik.

menunjukkan simptom, iaitu demam, ruam, sakit badan, sakit sendi dan sakit otot.

Jika rawatan awal tidak diberi, simptom kritikal, seperti tekanan darah rendah, ruam dan bintik merah pada badan, perdarahan gusi, najis berdarah dan tidak sedarkan diri berlaku. Hal ini merupakan tanda kritikal. Jika tidak dirawat, pesakit mati disebabkan oleh kekurangan darah di dalam badan.

Pada tahun 2011, Nisar Ahmad dari Universiti Quaid-i-Azam, Pakistan menerbitkan kajiannya yang bertajuk Rawatan Denggi Menggunakan Daun Betik. Kajian ini mendapati bahawa demam denggi dapat dirawat menggunakan air perahan daun betik.

Dalam kajian ini, kumpulan pesakit yang disahkan sebagai penghidap denggi yang berumur 45 tahun diberi air perahan daun betik dua kali sehari dalam tempoh lima hari. Selepas lima hari, kadar platelet, sel darah putih dan sel darah merah meningkat berbanding dengan sebelum diberi air perahan daun betik. Seterusnya, kajian menggunakan bahagian lain betik, seperti akar dan batang disarankan. Kesannya mungkin lebih mujarab.


Selain itu, hasil kajian ilmiah Dharmarathna dan pasukan penyelidikinya dari Universiti Peradeniya, Sri Lanka mendapati bahawa ekstrak

daun betik yang diberi sebanyak 0.2 ml/g kepada tikus mampu menaikkan kadar platelet dan sel darah merah tikus ujian berbanding dengan tikus kawalan. Kajian ini diterbitkan dalam jurnal *Asian Pacific Journal Tropical Biomedicine* pada tahun 2013 dengan tajuk Kebenaran Ekstrak Daun *Carica Papaya* Meningkatkan Jumlah Platelet: Sebuah Kajian Eksperimen pada Model Murin.

Penemuan ini amat mengejutkan banyak pihak. Namun begitu, kajian ini tidak dapat mengenal pasti bahan kimia spesifik yang meningkatkan platelet dan sel darah merah. Kajian lanjut diperlukan bagi mengkaji bahan kimia utama yang ada di dalam daun betik. Di samping itu, biji betik juga mempunyai nilai yang penting dalam mengekang pembiakan nyamuk aedes. Nunes dan pasukan penyelidikannya mendapati bahawa tegupain, iaitu sejenis enzim yang berada di dalam biji buah betik yang dihancurkan dan diletakkan di dalam air mampu menghasilkan kesan toksik pada larva nyamuk aedes. Kajian yang bertajuk Komponen Biji Benih *Carica Papaya* yang Toksik Terhadap *A. aegypti* dan Pengenalpastian Tegupain, Enzim yang Menghasilkannya diterbitkan dalam jurnal *Chemosphere* pada tahun 2013.

Kesan ini mampu memberikan nilai tambah dalam penggunaan abate bagi membunuh larva nyamuk dan semburan kabus pengabutan bagi membunuh nyamuk dewasa.

Jelas bahawa buah betik bukan sekadar membekalkan khasiat yang berguna kepada badan, malah mampu memberikan perlindungan terhadap virus denggi. Banyak lagi rahsia betik belum ditemukan dan kajian lanjut masih perlu dilakukan.

Dalam masa yang sama, pihak kerajaan dan swasta seharusnya menggiatkan penanaman betik dan pengkomersialannya agar rakyat terus menikmati keenakan buah betik dan akhirnya mendapat maaf daripada buah betik dari segi kesihatan. 

Penyakit denggi berpunca daripada sejenis virus yang dikenali sebagai virus denggi. Virus ini tergolong dalam keluarga *Togaviridae*. Virus ini berkembang biak di dalam serangga, iaitu nyamuk aedes.

Biasanya, selepas virus ini dipindahkan di dalam darah manusia selepas digigit oleh nyamuk aedes, virus ini mula merebak dan hanya memerlukan beberapa hari bagi

 Penulis Pensiyyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Kota, Terengganu.